

ISLAM PERLU KEKUATAN SENJATA

25

PETALING JAYA 6 Sept. —
Datuk Sri Dr. Mahathir
Mohamad berkata hari ini, ha-
nya dengan kekuatan senjata
moden sahaja negara-negara Is-
lam akan dapat menebus kem-
bali bumi Palestine yang diram-
pas oleh Israel.

Katanya, dunia sekarang menghormati negara yang kuat dan kaya. Tapi kalau dengan kekayaan sahaja tanpa kekuatan ketenteraan, nescaya negara itu juga tidak dihormati oleh dunia.

Timbalan Perdana Menteri menyarankan negara-negara Islam yang kaya supaya

"Kalau kita sesama pertubuhan dan badan-badan Islam di dalam negeri tidak dapat menunjukkan perpaduan sesama sendiri, adalah satu perkara mustahil untuk menebus kembali Baitulmuqaddis dengan cuma cakap-cakap bersemangat sahaja," katanya.

Angkuh

Dr. Mahathir telah membidas sikap angkuh Yahudi yang mengisytiharkan Baitulmuqaddis

Perhimpunan itu kemudiannya telah membakar patung Menahem Begin yang dimulakan oleh Setiausaha Agung, Datuk Mustaffa Jabar dan diikuti oleh anggota Pemuda UMNO yang lain.

Sementara itu di Kuantan seminar ulama Pahang kedua telah menyeru seluruh negara Islam melancarkan perang jihad terhadap Israel kerana tindakannya menjadikan Baitulmuqaddis sebagai ibnegera-

melengkapkan diri dengan senjata moden untuk menentang kuasa-kuasa besar yang tidak akan membantu negara Islam selain dari mempunyai tujuan tertentu.

Perang gerila

Berucap di perhimpunan Hari Baitulmuqaddis anjuran Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia di Dewan Al-Malek Faisal Maktab Perguruan Islam di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata negara Islam harus mencontohi Jepun yang telah mempunyai pembentukan senjata sendiri.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Timbalan Presiden UMNO Malaysia menekankan

kan bahawa sebelum ini negara-negara Islam telah menggunakan 4 cara bagi menentang Israel sama ada secara diplomasi, perang terbuka, perang gerila termasuk menggunakan kuasa minyak.

"Tetapi ternyata sekali keempat-empat cara ini telah gagal dalam perjuangan menentang Israel sejak 60 tahun yang lalu hingga ke hari ini," tambahnya.

"Ini satu kenyataan dan tidak boleh dinafikan selagi kelemahan yang ada pada diri kita selama itulah negara Islam tidak akan mencapai kejayaan."

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menekankan perlunya dipupuk perpaduan di kalangan negara-negara Islam di samping kelengkapan ilmiah.

sebagai ibu negara Israel yang harus diikuti oleh seluruh umat Islam di dunia.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Haji Suhaimi Datuk Haji Kamaruddin pula dalam ucapannya berharap Presiden Sadat memberhentikan rundingan damainya dengan Israel kerana ia tidak membawa hasil.

Dalam perhimpunan itu, Haji Suhaimi berkata yang Pergerakan Pemuda akan menghantar kawat kepada Presiden Anwar Sadat dan Presiden Carter supaya memberhentikan sahaja rundingan damai itu.

Sementara itu perhimpunan itu juga telah menyampaikan perutusan khas dari pemimpin Pertubuhan Pembebasan Rakyat Palestine (PLO), Yasser Arafat yang dibaca oleh wakil PLO di sini Abu Riadh, dengan disambut pekikan "Allahukhbar."

ra mereka.

Satu usul tergepar seminar tersebut yang diputuskan petang ini mahukan perang jihad ke atas Kerajaan Yahudi itu dibuat menerusi saluran diplomatik ekonomi dan senjata.

Serentak dengan itu, seminar tersebut juga menyeru negara-negara Islam di dunia melancarkan pada peringkat awalnya jihad menerusi ekonomi dan diplomatik terhadap mana-mana negara yang menyokong Israel ke atas pencabulan tersebut di samping terhadap negara-negara yang menghalang usaha menebus kembali bumi Palestine.

Seminar ulamak Pahang itu dalam ketetapannya mengutuk sekeras-kerasnya langkah Israel mengenai masalah berbangkit akan menghantar bantalian tersebut kepada Kerajaan Israel melalui Wisma Putra.